


Persisi pindah ke 'rumah' baru - 9 JAN 1990

dua tingkat

5

Kawasan di Balai Kampong Eunus lebih luas



RUMAH BARU: Setelah berpindah ke bangunan bekas Balai Rakyat Kampong Eunus yang lebih luas, tanggungjawab Persisi ialah memastikan silat dapat terus hidup dan menarik minat generasi muda.

Oleh **HANJIM MOHD SALEH**

PENCAK SILAT

(PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah berpindah ke 'rumah' dua tingkat dengan kawasan yang lebih luas — di bangunan bekas **Balai Rakyat Kampong Eunus**.


Badan induk 16 anggota kerabat itu telah menyerahkan kembali rumah silat lama yang terletak di pekarangan Persatuan Rakyat (PA) kepada Persatuan Jurulatih-Jurulatih **Seni Mempertahankan Diri** Singapura (SMAIA).

PA telah menyerahkan bangunan tersebut kepada Persisi pada 2 Disember lalu.

Setiausaha Kehormat Persisi, Encik Mohamad Kaspari, berkata rumah silat di Kallang adalah milik SMAIA.

"Persisi dibenarkan menggunakan tempat itu tiga atau empat kali seminggu kerana ia juga digunakan oleh anggota kerabat SMAIA yang lain. Kami hanya menggunakan tempat itu untuk mesyuarat kerana kawasannya terlalu kecil untuk latihan," katanya.

Menurutnya, kebanyakan latihan terutama bagi pasukan nasional, diadakan di trek latihan Stadium Negara dan tempat latihan Judo di PA.



RUMAH LAMA: Persisi sukar menjalankan latihan di sini kerana kawasan kecil.

Persisi mendapat rumah baru di bekas balai rakyat itu atas bantuan Ketua Pengarah Eksekutif PA, Encik Lee Chiong Giam.

Encik Mohamad menambah bahawa PA telah mengubah-eloK bangunan itu, memberi 80 kerusi dan 15 meja mesyuarat yang telah digunakan.

Seorang jurucakap PA mengesahkan penyerahan itu tanpa bayaran sewa, tetapi Persisi perlu menjelaskan sendiri bil elektrik dan air.

Presiden Persisi, Encik Ibrahim Othman, ketika dihubungi berkata: "Kami sangat menghargai bantuan yang telah diberikan oleh PA, terutama kepada Encik Lee. Sekarang, tanggungjawab kami dan para anggota kerabat ialah memastikan agar silat dapat terus menarik minat generasi muda."

Bangunan itu mempunyai dewan utama di tingkat bawah dan dewan serbaguna di tingkat atas, dua pejabat untuk pentadbiran, bilik mesyuarat,

tandas dan dua gelanggang se-paktakraw yang boleh digunakan untuk latihan silat.

Sementara itu, sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Timbalan Kedua Presiden Persisi, Haji Abdul Rahman Ismail, telah ditubuhkan bagi meninjau dan menyusun corak kegiatan di bangunan itu.

Persisi telah mula menggunakan bangunan itu untuk mesyuarat dan latihan pasukan nasional bagi menyertai Pesta Sukan Merdeka '90 di Brunei dari 3 Mac hingga 15 Mac.

Satu majlis kesyukuran akan diadakan di bangunan itu lusa.

- 9 JAN 1990